



20 April 2026
20 April 2026
P.U. (A) 176

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH FI
(IKLAN DIGITAL)
(JABATAN PENYIARAN MALAYSIA) 2026

*FEES (DIGITAL ADVERTISEMENT)
(DEPARTMENT OF BROADCASTING MALAYSIA)
ORDER 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (IKLAN DIGITAL) (JABATAN PENYIARAN MALAYSIA) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 dan 10 Akta Fi 1951 [Akta 209], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Iklan Digital) (Jabatan Penyiaran Malaysia) 2026**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 20 April 2026.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini —

“iklan digital” ertinya kaedah pemasaran dalam pelbagai bentuk termasuklah tetapi tidak terhad kepada imej, audio, video, teks atau sepanduk yang menggunakan platform digital atau papan elektronik untuk mempromosikan suatu produk, perkhidmatan, jenama, aktiviti, apa-apa perkara lain atau maklumat lain bagi menyampaikan mesej kepada pengguna;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia;

“papan elektronik” ertinya suatu sistem paparan yang menggunakan komponen elektronik untuk memaparkan maklumat dalam bentuk imej, audio, video atau teks kecuali sepanduk yang melibatkan penggunaan Paparan Diod Pemancar Cahaya (*LED*), Paparan Hablur Cecair (*LCD*) atau teknologi paparan lain untuk menunjukkan kandungan dalam format digital yang kandungannya boleh dikemas kini dan mempunyai ciri interaktif dan keupayaan multimedia; dan

“platform digital” ertinya aplikasi yang menggunakan perkhidmatan capaian internet yang membolehkan interaksi, penciptaan dan perkongsian kandungan termasuklah tetapi tidak terhad kepada penstriman langsung video, penstriman langsung audio, video atas permintaan (*VOD*) atau audio atas permintaan (*AOD*) yang didaftarkan di bawah akaun Jabatan Penyiaran Malaysia.

Fi dan pembayaran fi

3. (1) Fi yang ditetapkan dalam ruang (3) Jadual Pertama hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah bagi tempahan slot perkhidmatan untuk iklan digital yang dipaparkan di platform digital mengikut kategori yang dinyatakan dalam ruang (1) dan kuantiti yang dinyatakan dalam ruang (2).

(2) Fi yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual Kedua hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah bagi tempahan slot perkhidmatan untuk iklan digital yang dipaparkan di papan elektronik mengikut kategori yang dinyatakan dalam ruang (1) dan hendaklah dikenakan mengikut tempoh paparan bagi setiap hari pengiklanan.

Peremitan fi

4. Ketua Pengarah boleh meremitkan fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini secara keseluruhan atau sebahagian, dan sama ada secara am atau dalam mana-mana hal atau kelas hal yang tertentu.

JADUAL PERTAMA
[Subperenggan 3(1)]

1. Fi yang dikenakan bagi tempahan slot perkhidmatan untuk iklan digital yang dipaparkan di platform digital adalah seperti yang berikut:

(1) Kategori	(2) Kuantiti	(3) Fi (RM)
1. Semua jenis iklan digital kecuali sepanduk	1 CPM	50.00
2. Sepanduk	1 CPM	40.00

2. Bagi maksud Perintah ini, metrik yang digunakan adalah seperti yang berikut:

(a) CPM adalah kos bagi seribu paparan dan 1 CPM bersamaan dengan 1,000 paparan;

(b) jika 1 CPM = RM50.00, ini bermakna pelanggan membayar RM50.00 untuk 1,000 paparan.

3. Jumlah pengiraan fi bagi iklan digital yang dipaparkan di platform digital ditentukan berdasarkan formula yang berikut:

$$(a) \quad \text{paparan} = \left[\frac{\text{jumlah bayaran}}{\text{CPM}} \right] \times 1,000$$

(b) sebagai contoh, jika pelanggan membayar untuk iklan digital dengan amaun RM100.00:

$$\text{Paparan} = \left[\frac{100}{50} \right] \times 1,000 = 2,000 \text{ paparan}$$

Bagi amaun yang dibayar sebanyak RM100.00, pelanggan itu akan mendapat 2,000 paparan di platform digital.

JADUAL KEDUA
[Subperenggan 3(2)]

Fi yang dikenakan bagi tempahan slot perkhidmatan untuk iklan digital yang dipaparkan di papan elektronik adalah seperti yang berikut:

(1) Kategori	(2) Fi (RM)		
Semua jenis iklan digital kecuali sepanduk	Tempoh paparan 15 saat	Tempoh paparan 30 saat	Tempoh paparan 60 saat
	500.00 sehari	900.00 sehari	1,700.00 sehari

Dibuat 3 April 2026
[KKD.BKSK.(R).100-1/1/11(23); PN(PU2)86/JLD.30]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
Setiausaha Jemaah Menteri

[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut seksyen 4 Akta Fi 1951]

FEES ACT 1951

FEES (DIGITAL ADVERTISEMENT)
(DEPARTMENT OF BROADCASTING MALAYSIA) ORDER 2026

IN exercise of the powers conferred by sections 3 and 10 of the Fees Act 1951 [*Act 209*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Fees (Digital Advertisement) (Department of Broadcasting Malaysia) Order 2026**.

(2) This Order comes into operation on 20 April 2026.

Interpretation

2. In this Order—

“digital advertisement” means a marketing method in various forms including but not limited to images, audios, videos, texts or banners which use a digital platform or an electronic board to promote a product, service, brand, activity, any other matter or other information to convey messages to users;

“Director General” means the Director General of the Department of Broadcasting Malaysia;

“electronic board” means a display system which uses electronic components to display information in forms of image, audio, video or text except banners that involve the use of Light Emitting Diode Display (LED), Liquid Crystal Display (LCD) or other display technology to indicate content in a digital format of which its contents can be updated and has interactive features and multimedia capabilities; and

“digital platform” means an application which utilizes internet access service that enables interaction, creation and sharing of content including but not limited to live video streaming, live audio streaming, video on demand (VOD) or audio on demand (AOD) that is registered under the account of the Department of Broadcasting Malaysia.

Fees and payments of fees

3. (1) The fees prescribed in column (3) of the First Schedule shall be paid to the Director General for reservation of a service slot for a digital advertisement displayed on a digital platform in accordance with the category specified in column (1) and the quantity specified in column (2).

(2) The fees prescribed in columns (2) of the Second Schedule shall be paid to the Director General for reservation of a service slot for a digital advertisement displayed on an electronic board in accordance with the category specified in column (1) and shall be charged in accordance with the display duration for each day of advertising.

Remission of fees

4. The Director General may remit the fees prescribed under this Order wholly or in part, and either generally or in any particular case or class of cases.

FIRST SCHEDULE
[Subparagraph 3(1)]

1. The fee imposed for reservation of a service slot for a digital advertisement displayed on a digital platform is as follows:

[1] Category	[2] Quantity	[3] Fee (RM)
1. All types of digital advertisement except banners	1 CPM	50.00
2. Banners	1 CPM	40.00

2. For the purposes of this Order, the metric used is as follows:

(a) CPM is cost per thousand impressions and 1 CPM is equivalent to 1,000 impressions;

(b) if 1 CPM = RM50.00, this means the customer pays RM50.00 for 1,000 impressions.

3. The total fee calculation for a digital advertisement displayed on a digital platform is determined based on the following formula:

$$(a) \text{ impression} = \left[\frac{\text{total payment}}{\text{CPM}} \right] \times 1,000;$$

(b) for example, if a client pays for a digital advertisement with the amount of RM100.00:

$$\text{Impression} = \left[\frac{100}{50} \right] \times 1,000 = 2,000 \text{ Impressions}$$

For the paid amount of RM100.00, the client will get 2,000 impressions on the digital platform.

SECOND SCHEDULE

[Subparagraph 3(2)]

The fee imposed for reservation of a service slot for a digital advertisement displayed on an electronic board is as follows:

(1) Category	(2) Fee (RM)		
All types of digital advertisement except banners	15 second display duration	30 second display duration	60 second display duration
	500.00 per day	900.00 per day	1,700.00 per day

Made 3 April 2026

[KKD.BKSK.(R).100-1/1/11(23); PN(PU2)86/JLD.30]

By Command

TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
Secretary to the Cabinet

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to section 4 of the Fees Act 1951]